



Perkembangan dan Pencapaian UMNO Melaka 1946 -1988

Oleh:-

Nor Fazilah Bte Abdul Hamid

No. Matrik: AGE 00004

**Disertasi sebagai syarat memperolehi Sarjana Sastera (Secara
Berkursus dan Disertasi) dengan kepujian**

Jabatan Sejarah

Fakulti Sastera Sains Sosial

Universiti Malaya Kuala Lumpur

Sesi 2002

Perpustakaan Universiti Malaya



A510789534

02

Abstract

This dissertation is titled Perkembangan dan Pencapaian UMNO Melaka 1946-1988: Satu Sorotan (The development and Achievement of UMNO Malacca 1946-1988: Over View). Aims to enlighten on the early political activities in Malacca up to the formation of the Malacca UMNO branch. The Malacca UMNO branch was born out of an amalgamation of the various Malay societies. She began more stable after 1948 when the registration for membership was implemented. UMNO Malacca played and created its own role in its effort together the people of Malaya to hear the declaration of the date for the independence by Tengku Abdul Rahman.

This dissertation also examines and analyses the achievements by UMNO Malacca in the political scenario and also as a component of the Barisan Nasional through the results of the 1959-1986 general elections. The results from these general elections has become a measurement stick in assessing the increase and decline in the number of votes obtained from the previous years. Inspite of this, UMNO Malacca was still able to form the state government.

Apart From his, the dissertation also researched on a few pioneer UMNO leaders who were involved directly in the struggle for the dignity of the race.

Prakata

Sepanjang saya menyiapkan disertasi ini, saya amat bersyukur ke hadrat Allah Taala kerana diberi kesihatan yang baik. Saya juga bersyukur kerana mendapat dorongan yang padu daripada keluarga saya. Di sini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Profesor Datuk Dr Ramlah Adam selaku penyelia untuk disertasi ini. Saya berdoa agar dirinya sentiasa dirahmati Allah Taala. Terima kasih juga kepada Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Perbadanan Negeri Melaka, Arkib Negara Malaysia, Ibu Pejabat UMNO Kuala Lumpur, Bahagian Koleksi UMNO Melaka, Encik Sapran Ismail dan isteri Puan Khairiyah bt Jaafar kerana bahan-bahan rujukan. Terima kasih juga buat Datuk Wira Borhan Md Yaman yang sudi ditemuramah oleh saya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat kedua-dua ibu bapa angkat saya Haji Majid b. Wahid dan Juliah bt. Yusoff sekeluarga yang sentiasa memberi dorongan kepada saya. Begitu jua terima kasih yang tidak terhingga buat saudara Rahmad b. Mohamad yang saya kasihi dan hormati yang telah banyak berkorban masa, tenaga dan perasaan sepanjang saya menuntut di Universiti Malaya dan turut membantu saya dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Tidak dilupakan juga terima kasih buat kakak saya yang bernama Siti Khatijah Hj Abu Bakar yang telah banyak memberi bantuan dan semangat kepada saya selama ini serta rakan-rakan yang telah banyak membantu. saya ucapkan terima kasih.

Kandungan

Abstract	ii
Prakata	iii
Kandungan	iv
Senarai Peta dan Gambarajah	v
Singkatan	vii
Pengenalan Kajian	ix
Bab 1. Kesedaran Politik Melayu Secara Umum	1
Bab 2. Perkembangan UMNO Melaka sehingga Kemerdekaan Persekutuan	30
Tanah Melayu	
Bab 3. Pencapaian UMNO Melaka dalam Pilihanraya Umum 1959 hingga	67
1986	
Bab 4. Tokoh-tokoh Veteran UMNO Melaka	123
Penutup	166
Lampiran 1	169
Lampiran 2	173
Bibliografi	176

Senarai Gambar, Gambarajah dan Peta

1. Gambar para perwakilan dari Persatuan Melayu yang menghadiri Kongres Melayu di Kelab Sultan Sulaiman pada 1 Mac 1946
2. Gambar kemenangan Parti Perikatan dalam pilihanraya umum 1955 di Melaka
3. Gambar Cik Yah sedang menyerahkan segantang padi sebagai derma untuk misi kemerdekaan kepada Encik Muhamad b. Hj Asmaun, Setiausaha Pemuda UMNO Melaka, Cawangan Sungai Udang
4. Gambar perhimpunan rakyat dari seluruh pelusok Tanah Melayu di Bandar Hilir Melaka
5. Gambar Padang Bandar Hilir menjadi lautan manusia pada perhimpunan menyambut kepulangan misi kemerdekaan
6. Gambar rombongan misi kemerekaan melintasi pintu gerbang di Batu Berendam dengan disambut pekikan merdeka daripada Berisan Pemuda UMNO
7. Gambar misi kemerdekaan diiringi oleh emuda-pemuda UMNO Melaka berpakaian putih dan bersongkok hitam yang menunggang motosikal nelintasi Jalan Tun Sri Lanang dari Batu Berendam ke Padang Bandar Hilir
8. Gambar rombongan misi kemerdekaan sedang melintasi Jalan Taman di hadapan A Famosa menuju ke pentas khas
9. Gambar Tengku Abdul Rahman sedang berjalan kaki di Jalan Taman untuk menuju ke pentas khas . Bangunan di belakang itu ialah bangunan ‘*Malacca Club*’ atau lebih dikenali sebagai Memorial Kemerdekaan
10. Gambar Tengku Abdul Rahman sedang membaca tarikh kemerdekaan di hadapan ribuan rakyat Tanah Melayu
11. Gambar Datuk Abdul Razak salah seorang wakil misi kemerdekaan menandatangani pengisytiharan tarikh kemerdekaan.
12. Gambar Encik Abdul Hamid b. Hj Jumat, Ketua UMNO Singapura menyerahkan peta Malaya kepada Tengku Abdul Rahman.

13. Gambar Tengku Abdul Rahman dihadiahkan sebilah keris yang berusia lebih 100 tahun oleh Zainab bt Samdin, Setiausaha Pergerakan Wanita UMNO Melaka.
14. Gambar Jaafar Alang
15. Gambar Tun Ghaffar Baba
16. Gambar Abdul Ghani Ali
17. Gambar Datuk Wira Borhan Md Yaman
18. Gambar Md Jadi b. Lahum
19. Gambar Mohd Ali b. Salleh
20. Gambar Asmah bt. Alang
21. Gambarajah Organisasi UMNO 1948
22. Peta bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Melaka tahun 1964 dan 1969
23. Peta bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Melaka tahun 1974, 1978 dan 1982
24. Peta bahagian-bahagian Pilihanraya Parlimen dan Negeri bagi Negeri Melaka tahun 1986

Singkatan

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AMCJA	All Malayan Council Of Joint Action
AMCSMA	All Malaya Chinese Joint Action
API	Angkatan Pemuda Insaf
BMA	British Military Army
BN	Barisan Nasional
CUEPACS	Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam
CJA	Council Of Joint Action
DAP	Democratic Action Party
DUN	Dewan Undangan Negeri
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMM	Kesatuan Melayu Melaka
KMS	Kesatuan Melayu Singapura
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MATA	Majlis Agama Islam Tertinggi
MCA	Malayan Chinese Association
MIC	Malayan Indian Congress
MKT	Majlis Kerja Tertinggi
MMMU	Majlis Mesyuarat Malayan Union
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris

PAS	Parti Islam Semalaya
PBB	Pesaka Bumiputera Bersatu
PDII	Perang Dunia Kedua
PERPEMAS	Pusat Perekonomian Melayu Semalaya
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya
PMPM	Persaudaraan Sahabat Pena Semalaya
PPP	People's Progressive Party
PSRM	Parti Sosialis Rakyat Malaysia
PMSM	Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka
PTR	Parti Tindakan Rakyat
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SUPP	Sarawak United People's Party
UCSTA	United Chinese Teacher Association
UDP	United Democratic Party
UMBC	United Malayan Banking Corporation
UMNO	United Malay National Organization

Pengenalan Kajian

Objektif Kajian

Kajian disertasi ini bertujuan untuk memaparkan sejarah perkembangan politik orang-orang Melayu khususnya penglibatan politik orang-orang Melayu Melaka. Kegiatan-kegiatan politik mereka cuba diketengahkan dan dibincangkan dengan teliti sebagai panduan dan tinggalan sejarah kepada generasi hari ini dan akan datang.

Kajian ini juga turut meneliti pencapaian UMNO / Perikatan Melaka dalam setiap pilihanraya umum yang diadakan yang bertujuan untuk menilai keberkesanan UMNO mendominasikan politik Melaka sebagai pemerintah. Dalam pemerhatian ini yang dibuat didapati UMNO Melaka kekal mendapat mandat daripada rakyat untuk memerintah negeri Melaka.

Kajian ini juga turut memaparkan peranan beberapa orang tokoh veteran UMNO Melaka yang sepatutnya tidak boleh dilupakan oleh rakyat Melaka seperti Ghaffar Baba, Borhan Md Yaman, Ghani Ali dan beberapa orang lagi. Mereka telah bekerja keras untuk menjadikan UMNO sebagai parti orang Melayu yang bergiat cergas pada peringkat awal penubuhan UMNO. Kajian ini untuk menyaksikan kewibawaan mereka sebagai seorang pemimpin politik yang sentiasa bekerja keras bagi menjaga kepentingan rakyat Melaka.

Kepentingan Kajian

Negeri Melaka merupakan sebuah negeri yang banyak mempunyai tinggalan sejarah samada tinggalan sejarah tempatan mahupun tinggalan sejarah

penjajah barat: Sebagai sebuah negeri yang bergabung dengan Pulau Pinang dan Singapura sebagai Negeri-negeri Selat, Melaka dijadikan sebagai salah sebuah negeri yang ditadbir penuh oleh kerajaan British. Walau bagaimanapun rakyat Melaka masih lagi berada ditahap yang rendah dan mundur dalam bidang pendidikan, ekonomi dan sosial. Apabila gerakan kesedaran untuk meningkatkan kedudukan ekonomi dan sosial orang Melayu oleh Kaum Muda dan reformis Melayu sedikit demi sedikit orang Melayu bangun untuk membaiki taraf hidup mereka. Apabila Dato' Onn Jaafar menyeru agar pertubuhan-pertubuhan Melayu bergabung di bawah UMNO pusat, Kesatuan Melayu Melaka dan Pergerakan Melayu Semenanjung Melaka telah menyertai UMNO. Mulai tahun 1949, UMNO Bahagian Melaka ditubuhkan. Selain itu kajian ini turut menganalisa pencapaian UMNO Melaka sebagai parti pemerintah Melaka dalam setiap pilihanraya umum yang diadakan.

Kajian ini dibuat semata-mata untuk mengatasi kelemahan kajian yang ada terhadap sejarah UMNO / Perikatan Melaka. Kajian terhadap sejarah UMNO Melaka yang sedia ada samada bersifat akademik atau umum meninjau sejarah politik Melaka secara sepantas lalu dan longgar. Sehingga kini tidak ada kajian khusus tentang sejarah dan perkembangan UMNO Melaka. Berdasarkan kajian-kajian yang sedia ada, tidak ada lagi perbincangan mengenai pencapaian UMNO Melaka dalam pilihanraya umum secara teliti dibincangkan lagi.

Kajian ini juga bertujuan untuk memperkayakan lagi bahan-bahan sejarah tentang tokoh-tokoh politik tanahair khususnya tokoh-tokoh veteran UMNO Melaka. Kebanyakan mereka telah meninggal dunia dan telah lewat usianya.

Kajian ini adalah salah satu cara untuk mengenang jasa-jasa mereka selain mencontohi sikap mereka yang jujur dan ikhlas untuk menjaga kepentingan dan kebaikan orang-orang Melayu. Kajian yang menyeluruh terhadap tokoh-tokoh ini bukan sahaja pada bahagian politik tetapi juga bidang sosial dan ekonomi yang merupakan satu sumbangan mereka yang sangat berharga kepada masyarakat negara ini.

Sorotan Literatur

Kajian ini menggunakan beberapa buah buku mengenai UMNO Melaka, tokoh dan penyata pilihanraya. Di dalam buku Sejarah Perjuangan UMNO Melaka yang diterbitkan oleh Surya Publication pada tahun 1963, merupakan sebuah buku yang memaparkan kegiatan-kegiatan awal UMNO Bahagian Melaka selepas ia ditubuhkan. Antara isi kandungan buku ini ialah mengenai sejarah ringkas UMNO Melaka, Sejarah Kaum Ibu dan Pemuda UMNO Melaka, catatan ringkas mengenai pembinaan rumah UMNO Melaka dan serba sedikit mengenai nama wakil-wakil rakyat bagi negeri Melaka pada tahun 1963. Buku ini adalah penting sebagai salah satu bahan rujukan untuk mendalami kegiatan dan perkembangan sejarah UMNO Melaka pada peringkat awal.

Sebuah buku yang bertajuk Dirgahayu UMNO Melaka Sambutan 50 Tahun Usia UMNO diterbitkan oleh UMNO Perhubungan Negeri Melaka pada tahun 1996 merupakan sebuah buku kecil yang menggarapkan isi kandungan nama-nama AJK yang terlibat dalam rancangan sambutan 50 tahun UMNO Melaka. Buku ini

turut memaparkan biodata secara ringkas beberapa orang tokoh politik veteran UMNO Melaka seperti Ghafar Baba, Borhan Md Yaman, Mohd Ali Salleh dan Mohd Jadi b. Lahum sebagai wakil daripada ratusan tokoh politik yang terlibat dengan UMNO Melaka. Selain itu buku ini juga turut mengungkap sejarah-sejarah awal UMNO Melaka dan penglibatan UMNO Melaka di dalam mengumpul rakyat Tanah Melayu untuk mendengar misi kemerdekaan yang diketuai oleh Tengku Abdul Rahman mengisyiharkan tarikh kemerdekaan negara. Buku ini dianggap menarik kerana selain daripada memaparkan sejarah UMNO, buku ini turut memaparkan beberapa keping gambar yang merakamkan detik-detik bersejarah di hari sambutan misi kemerdekaan di Bandar Hilir Melaka.

Kajian ini juga menggunakan buku tulisan Mohd Taib Osman yang bertajuk Ghafar Baba sebagai salah satu bahan rujukan mengkaji mengenai tokoh UMNO Melaka. Namun isi kandungan buku ini dilihat lebih banyak memberi gambaran positif tentang Ghafar Baba tanpa mengupas secara kritikal mengenai konflik-konflik politik dalaman atau masalah-masalah yang terpaksa dihadapi oleh Ghafar semasa beliau bergiat dalam politik Melaka.

Selain daripada buku-buku, penulis juga menggunakan penyata pilihanraya umum dari tahun 1959 hingga 1986 untuk mengkaji turun naik atau peningkatan dan kemerosotan pungutan undi dari tahun-tahun terdahulu sebagai cara untuk mengkaji pencapaian UMNO Melaka sebagai pemuka politik negeri Melaka. Namun daripada perhatian ini didapati UMNO Melaka tetap teguh menaungi kerajaan negeri Melaka.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua iaitu pertama, disiplin sejarah yang menekankan ‘content analysis’ iaitu mengkaji secara mendalam sesuatu peristiwa dengan menggunakan dokumen-dokumen, sumber pertama dan kedua. Sumber pertama ialah penyata pilihanraya, Laporan Tahunan Negeri Melaka, Fail-fail UMNO, teks ucapan dan buku catatan peribadi. Keratan surat khabar sebagai salah satu sumber rujukan yang menyentuh politik Melaka juga digunakan. Penulis meneliti akhbar-akhbar dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan tulisan jawi supaya mendapat gambaran yang jelas dan lebih menyeluruh tentang politik Melaka. Ini bertujuan untuk mengelakkan berlaku penghuraian yang bersifat berat sebelah. Sumber kedua pula terdiri daripada buku-buku, majalah dan latihan ilmiah yang membincangkan mengenai isu-isu pilihanraya, politik Melaka dan politik negara. Selain itu penulis cuba menemuramah beberapa orang tokoh politik Melaka utuk mendapatkan bahan yang lebih. Dari segi nota hujung dan bibliografi, *Chicago System* telah digunakan iaitu sistem yang biasa digunakan oleh ilmu sejarah ‘conventional’.

Masalah Kajian

Semasa penulis menjalankan penyelidikan mengenai tajuk ini, terdapat banyak masalah teknikal yang dihadapi. Misalnya sumber-sumber tentang politik Melaka sangat terhad khususnya dokumen rasmi kerajaan. Ada juga dianggap sulit dan tidak dibuka kepada orang ramai untuk selama-lamanya. Sumber yang tinggal hanyalah buku-buku lama dan cenderamata yang boleh digunakan oleh penulis.

Temurāmah yang boleh menjadi salah satu sumber penyelidikan yang penting pula menghadapi masalah lain disebabkan ramai tokoh-tokoh politik veteran telah meninggal dunia. Ada juga tokoh-tokoh politik yang terlibat secara tidak langsung dalam arena politik Melaka sukar ditemui kerana masing-masing sibuk dengan tugas rasmi harian mereka. Walau bagaimanapun seorang informer bernama Datuk Borhan Md Yaman telah bekerjasama kepada penulis setiap kali ditemuramah. Semua kesulitan ini menguatkan keazaman penulis untuk memanfaatkan sumber-sumber yang diperolehi dengan sebaik mungkin.

Skop Kajian

Keseluruhan disertasi ini dibahagikan kepada empat bab. Dalam bab pertama tumpuan diberikan kepada sejarah nasionalisme orang Melayu pada peringkat awal. Pada ketika ini orang-orang Melayu telah sedar akan kedudukan dan keistimewaan mereka sebagai penduduk peribumi Tanah Melayu. Penerbitan akhbar-akhbar luar dan dalam negeri acapkali mengeluarkan berita tentang kemunduran orang-orang Melayu dan mengajak orang Melayu membaiki taraf hidup dan ekonomi mereka. Apabila British memperkenalkan rancangan Malayan Union, orang-orang Melayu telah bangun menentang gagasan itu yang banyak merugikan bangsa Melayu. Penubuhan UMNO di bawah pimpinan Dato Onn Jaafar telah membawa nafas baru kepada orang Melayu dalam usaha menjaga kepentingan dan hak-hak istimewa orang Melayu.

Dalam bab dua pula perbincangan ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan politik orang Melayu.. Terdapat beberapa buah parti politik di Melaka akhirnya

bergabung di bawah payung UMNO. Untuk meluaskan pentadbiran UMNO pusat terhadap pertubuhan-pertubuhan yang bergabung di bawahnya, sistem ahli daftar terus telah diperkenalkan untuk menjadikan UMNO sebuah badan politik yang kukuh di Tanah Melayu. Selain itu, negeri Melaka yang telah banyak menyimpan kesan sejarah sekali lagi merakam satu sejarah yang besar apabila dijadikan tempat untuk mengisytiharkan tarikh kemerdekaan oleh Tengku Abdul Rahman salah seorang wakil misi kemerdekaan Tanah Melayu ke London.

Bab tiga pula membincangkan pencapaian UMNO Melaka dalam pilihanraya umum yang diadakan sejak tahun 1959 hingga 1986. Keputusan-keputusan pilihanraya tersebut dijadikan pengukur setakat mana keberkesanan Perikatan mendapat mandat sebagai pemerintah.

Bab empat memberi tumpuan kepada beberapa orang tokoh-tokoh veteran UMNO yang telah menjadi wakil orang-orang Melayu Melaka untuk menjaga kepentingan mereka. Selain daripada itu mereka juga turut bekerja keras untuk menaikkan nama UMNO sebagai parti politik yang kukuh di Melaka.

Secara keseluruhannya, disertasi ini bertujuan untuk mengkaji dan menganalisis peranan UMNO / Perikatan Melaka dalam perkembangan politik dan sebagai badan pemerintah Melaka.